



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

10 Disember 2020
24 Rabiulakhir 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	• Nelayan Johor dapat bantuan RM1.4 juta
Sinar Harian	•
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
Sin Chew Daily	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO 1	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		18	10/12/2020

KOSMO M/S 18 10/12/2020

Nelayan Johor dapat bantuan RM1.4 juta

ISKANDAR PUTERI - Kerajaan Negeri Johor menyampaikan bantuan sebanyak RM1.4 juta kepada 1,475 nelayan di kawasan Johor Selatan yang terkesan akibat penularan pandemik Covid-19 semalam.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Johor Selatan, Azli Mohd. Aziz berkata, bantuan itu amat diperlukan golongan nelayan bagi menampung perbelanjaan harian selain membeli peralatan menangkap ikan.

"Sumbangan ini memberi makna yang besar kepada kami golongan nelayan yang terjejas berikutan kekurangan pendapatan kesan daripada penularan Covid-19.

"Pihak persatuan akan mengagihkan sumbangan ini ke-

pada nelayan-nelayan terlibat," katanya selepas Majlis Penyerahan Bantuan Khas Nelayan Johor Selatan 2020 di Bangunan Dato' Jaafar Mohammad di sini semalam.

Majlis Penyerahan Bantuan Khas Nelayan Johor Selatan 2020 itu disempurnakan oleh Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar negeri, Datuk Haji Sam Solbari Jamali dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Azmi Rohani.

Azli memberitahu, tahun ini adalah kali keenam berturut-turut pihaknya menerima bantuan tersebut daripada kerajaan negeri.



HASNI (kiri) memegang replika cek bantuan khas nelayan Johor Selatan Tahun 2020 di Iskandar Puteri semalam.